

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI SALIM SHARIF [ JEMPOL ]**

**NO. SOALAN : 295**

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan daerah-daerah yang telah dikenal pasti sebagai daerah termiskin di Malaysia serta perancangan jangka masa pendek dan panjang bagi memastikan taraf sosio ekonomi penduduk di kawasan terbabit dapat ditingkatkan agar bebas daripada kepompong kemiskinan.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas Mengikut Negeri dan Daerah Pentadbiran 2016 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian telah mengenal pasti 28 daerah di seluruh negara dengan pendapatan purata bulanan isi rumah di bawah RM4,000.

28 daerah tersebut meliputi negeri Kedah (2 daerah), Kelantan (7 daerah), Pahang (1 daerah), Sabah (5 daerah) dan Sarawak (13 daerah) yang melibatkan jumlah bilangan penduduk seramai 2,151,100 orang.

Sehubungan dengan itu, Kementerian akan meletakkan keutamaan pelaksanaan program-program di bawah Kementerian di 28 daerah tersebut berdasarkan peruntukan yang telah dan akan diluluskan kepada Kementerian bagi tahun 2019 dan tahun 2020 iaitu di dalam fasa terakhir Rancangan Malaysia Ke-11 (RMKe-11).

Keutamaan pelaksanaan ini akan menumpukan program/projek KPLB yang berbentuk pembangunan fizikal, ekonomi dan modal insan yang boleh meningkatkan kesejahteraan penduduk di daerah yang berkenaan dan seterusnya meningkatkan pendapatan purata bulanan isi rumah di daerah-daerah tersebut sekaligus mengurangkan jurang daerah-daerah terpinggir tersebut dengan daerah-daerah yang lain. Antara program-program yang dicadang untuk dilaksanakan adalah seperti :

- 1) Projek-projek Prasarana seperti Jalan Luar Bandar, Bekalan Air Luar Bandar, Bekalan Elektrik Luar Bandar, Jalan Perhubungan Desa, Program Ameniti Sosial, Program Perumahan Rakyat Termiskin, Projek Pemajuan Kawasan;
- 2) Program Ekonomi dan Keusahawanan seperti Program Peningkatan Pendapatan, Skim Pembiayaan Ekonomi Desa, Program Desa Lestari, program-program di bawah MARA dan LKW; dan
- 3) Pembangunan Modal Insan seperti Program Latihan Kemahiran dan Kerjaya, program-program di bawah KEMAS dan INFRA.

Di samping itu juga, pembangunan secara menyeluruh akan dilaksanakan di daerah-daerah yang berkenaan melalui strategi pelaksanaan yang akan dirancang oleh Kementerian di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) yang akan mula dilaksanakan pada tahun 2021 hingga tahun 2025.

Untuk itu, pihak Kementerian akan mengadakan pertemuan dan sesi libat urus bersama pihak Kerajaan Negeri yang terlibat seperti EXCO Luar Bandar Negeri, UPEN, dan Pejabat Daerah bagi mendapatkan maklum balas, isu, cadangan serta keperluan daripada pihak

Kerajaan Negeri mengenai keperluan pembangunan bagi daerah-daerah yang berkenaan.

Daripada maklum balas tersebut, Kementerian akan merancang pelaksanaan program-program pembangunan di daerah yang berkenaan untuk dijadikan sebagai salah satu strategi di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12).

Perancangan pembangunan ini akan melibatkan program sedia ada dan program baharu yang akan menjadi penggerak kepada pembangunan di daerah-daerah yang berkenaan. Perancangan pembangunan ini juga akan dibuat secara holistik dan mengambil kira semua aspek agar dapat memberi kesan yang optimum kepada kumpulan sasaran iaitu 28 daerah tersebut.